From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 4 July, 2022 4:05:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Akhir SCIMPA Bina Jati Diri Pasca Pandemik

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 JULAI 2022 / 4 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

PELAJAR AKHIR SCIMPA BINA JATI DIRI PASCA PANDEMIK



UUM ONLINE: Seramai 58 pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah menyertai Kem Jati Diri Pelajar Semester Akhir SCIMPA 2022 di Kem 6RAMD, Kepala Batas, baru-baru ini.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) SCIMPA, Dr. Asmidah Alwi berkata, program selama tiga hari bermula 30 Jun itu dirangka oleh Jawatankuasa Praktikum dan Jawatankuasa Kebolehpasaran Graduan (GE) Pusat Pengajian dengan koordinasi oleh Mej. Ts. Nor Hissam Sulaiman, Penyelaras Pasukan Beruniform Pusat Kokurikulum UUM untuk pelajar-pelajar semester akhir yang akan berpraktikum dan seterusnya melangkah ke alam pekerjaan.

Menurutnya, situasi pandemik yang melanda negara ekoran Covid-19 sejak 2020 telah menyebabkan pelajar terpaksa mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk sekian lama secara atas talian.

Katanya, keadaan tersebut secara tidak langsung telah menyaksikan berlakunya perubahan terhadap motivasi dan sikap pelajar.

“Pemerhatian menunjukkan terdapat penurunan ketara dari aspek sosial dan komunikasi pelajar, bukan hanya dalam kalangan rakan-rakan dan juga dengan pensyarah, malah lebih merisaukan adalah apabila mereka perlu berurusan dengan pihak luar terutamanya pihak industri.

"Berdasarkan kepada pengalaman menguruskan dan menangani isu-isu berkaitan praktikum pada semester-semester lalu, terdapat pertambahan kes pelajar yang tidak dapat mengadaptasikan diri mereka ke alam pekerjaan dengan baik terutamanya dari aspek komunikasi berkesan, penyelesaian masalah serta mereka juga didapati kurang motivasi serta jati diri dalam menghadapi konflik di tempat kerja.

"Oleh itu, kedua-dua jawatankuasa ini memandang serius akan perkara ini kerana ia boleh memberikan implikasi negatif terhadap pelajar, dan juga pusat pengajian" katanya.

Asmidah berkata, dengan pelaksanaan program ini diharapkan dapat meningkatkan motivasi dan jati diri pelajar serta melatih kerjasama secara berkumpulan menerusi pelbagai aktiviti yang diadakan.

Sepanjang kem tersebut, pelajar mengikuti pelbagai program pembinaan identiti, prinsip kendiri serta kerjasama kumpulan yang mencabar ketahanan fizikal dan mental seperti seperti *'the six challenges'*, *'survival'*, merentas halangan, eksplorasi diri dan alam selain daripada latihan kawad dan jasmani.

Aktiviti-aktiviti dalam program ini turut disertai pensyarah SCIMPA, Dr. Adzira Husain.

Majlis perasmian penutup telah diserikan dengan slot motivasi oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.